



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN
BERASASKAN WEB
KOD KURSUS : DAT 32403
PROGRAM : 2 DAT
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2015/ JANUARI 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN.
B) JAWAB **SEMUA** SOALAN.
C) JAWAB **TIGA (3)** SOALAN
SAHAJA.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEPULUH (10)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

S1 Nyatakan samaada setiap pernyataan berikut **BETUL** atau **SALAH**.

- (a) Opera adalah sejenis perisian pelayar yang boleh digunakan untuk melihat paparan akhir halaman web yang anda bina.
- (b) Pengendali **OR** memaparkan rekod jika sebarang syarat yang disenaraikan adalah benar manakala pengendali **AND** memaparkan rekod jika semua syarat yang disenaraikan adalah benar.
- (c) Kod PHP tidak boleh diselitkan secara terus ke dalam dokumen XHTML.
- (d) XHTML adalah bahasa pengaturcaraan yang boleh digunakan untuk membina antaramuka halaman web.
- (e) Paparan laman web anda akan kelihatan sama pada setiap pelayar web yang berlainan.
- (f) HTTP adalah protokol hantaran data antara komputer pelayan dengan pelayar jaringan sejagat (WWW).
- (g) Jadual pangkalan data terdiri daripada baris (digunakan untuk menyimpan medan) dan lajur (yang digunakan untuk menyimpan data).
- (h) Data boleh dihantar menggunakan borang data tanpa perlu menekan butang.
- (i) Satu kelemahan bagi kaedah GET adalah ia hanya memegang jumlah aksara yang terhad.
- (j) Saiz kotak teks berganda tidak boleh diubah suai.

(10 Markah)

SULIT**BAHAGIAN B**

- S2** Antaramuka di dalam **RAJAH S2** adalah borang yang digunakan pendaftaran maklumat peribadi di halaman web pembelian barang secara atas talian.
- (a) Berikan skrip HTML untuk mencipta antaramuka bagi borang data seperti di dalam Rajah S2.
(15 Markah)
- (b) Takrifkan maksud laman web dinamik.
(1 Markah)
- (c) Berikan **DUA (2)** perbezaan antara laman web statik dan dinamik.
(4 Markah)
- S3** (a) Fasa-fasa pembangunan laman web dinamik melibatkan 5 fasa utama. Senaraikan **DUA (2)** fasa yang terlibat.
(2 Markah)
- (b) Pembinaan laman web dinamik biasanya dikategorikan kepada senibina 2-Aras dan senibina 3-Aras. Lakarkan kedudukan pelanggan dan pelayan beserta penggunaan data bagi kedua-dua senibina tersebut.
(4 Markah)
- (c) Pembinaan laman web dinamik memerlukan 3 komponen utama iaitu bahasa pengaturcaraan, pelayan dan pangkalan data. Jelaskan peranan ketiga-tiga komponen ini dan bagaimana ia saling berkaitan antara satu sama lain.
(4 Markah)

SULIT**BAHAGIAN C**

ARAHAN: Jawab **TIGA (3)** SOALAN SAHAJA

- S4** (a) Huraikan kebaikan dan keburukan menggunakan CSS sebagai bahasa pengaturcaraan dalam merekabentuk dan menggayakan laman web yang dibangunkan. (5 Markah)
- (b) Senaraikan **DUA (2)** jenis *selector* yang biasa digunakan di dalam skrip CSS. (1 Markah)
- (c) Hasilkan skrip CSS bagi membolehkan ketiga-tiga elemen HTML yang mempunyai tag <h1>, <h2> dan <p> mempunyai gaya dan rekabentuk seperti pernyataan yang diberikan di dalam **RAJAH 4 (c)**. (6 Markah)
- (d) Berikut diberikan senarai komponen-komponen utama stail antaramuka HTML bagi laman web Kolej Tun Fatimah yang boleh dibuat menggunakan skrip CSS.

Komponen 1 (Banner):

Ketinggian adalah 15% dan lebar adalah 100%. Latar belakang adalah satu imej yang diberi nama silver.jpg. Terdapat latar belakang imej yang dipanggil silverright.jpg di bahagian sudut kanan dan silverleft.jpg di bahagian sudut kiri. Ia juga mengandungi teks "Selamat datang ke Kursus Pengaturcaraan Web DAT32403" yang ditulis dalam tag h1 serta bewarna biru, dan sejajar di sebelah kanan.

Komponen 2 (Menu):

Menu mendatar yang mengandungi empat item yang bernama Rumah, Pelajar Felo dan Aduan. Setiap item bersempadan dengan menggunakan garis merah pejal. Latar belakang pula berwarna biru gelap. Apabila setiap item diletakkan penunjuk tetikus, teks item akan digariskan.

Lakarkan dengan jelas bagaimana rupa akhir laman web Kolej Tun Fatimah berdasarkan penjelasan yang diberikan di atas.

(4 Markah)

- (e) Pautan adalah elemen utama didalam CSS. Tulis skrip CSS untuk memberikan stail yang telah dinyatakan seperti berikut.
- i. Menjadikan warna tulisan pautan normal bewarna merah
 - ii. Menjadikan warna tulisan pautan yang telah diklik oleh pengguna bewarna hijau.

SULIT

iii. Menjadikan warna tulisan pautan yang pengguna meletakkan kursor di atasnya bewarna kuning.

iv. Menjadikan warna tulisan pautan ketika ia di klik bewarna ungu.

(4 Markah)

S5 (a) Senaraikan **DUA (2)** jenis ralat bagi bahasa pengaturcaraan PHP yang telah anda pelajari .

(1 Markah)

(b) Bincangkan **LIMA (5)** kelebihan menggunakan skrip PHP di dalam pembangunan laman web dinamik.

(5 Markah)

(c) Hasilkan skrip PHP yang dapat memberi arahan untuk membuat penyambungan kepada pangkalan data yang dinamakan "KedaiKami" yang berada di pelayan dengan ip "172.16.12.3" menggunakan nama pengguna "ahmed" dan kata laluan "1234". Sila pastikan skrip anda dapat membuat penyemak sama ada sambungan telah berjaya. Selain itu pastikan skrip anda dapat memasukkan data ke dalam jadual bernama "pengguna" yang mempunyai medan "nama, idpengguna, katalaluan, komen". Pastikan skrip anda dapat menyemak memasukkan data tersebut dan mengeluarkan pernyataan "Data telah disimpan".

(10 Markah)

(d) Kod skrip dibaca dari garisan paling atas dan akan diteruskan sehingga terdapat salah satu tanda khas mentafsir kod skrip tersebut sebagai kod PHP. Kebiasaannya apabila tag pembuka PHP dijumpai arahan-arahan PHP akan dilaksanakan sehingga ke tag penutup PHP. Lakarkan bagaimana proses petafsiran kod-kod tersebut dari pelayan sehingga dapat dilihat oleh pengguna.

(4 Markah)

S6 (a) Berdasarkan **RAJAH S6 (a)** di atas, berikan output bagi aturcara tersebut.

(5 Markah)

(b) Kod-kod PHP mempunyai akses kepada sebilangan besar pembolehubah yang telah ditetapkan. Pembolehubah ini membenarkan kod PHP memperoleh akses untuk maklumat pelayan, bentuk parameter, maklumat persekitaran, dan lain-lain. Senaraikan **DUA (2)** kod pembolehubah prataktif yang anda telah pelajari.

(1 Markah)

SULIT

- (c) Tuliskan pernyataan while yang akan menjumlah dan memapar kesemua nombor ganjil diantara 1 hingga 49.
(5 Markah)
- (d) Lakarkan output bagi aturcara berdasarkan **RAJAH S6 (d)**,
(4 Markah)
- (e) Fail adalah kumpulan urutan aksara yang boleh dimanipulasi. Biasanya komputer menggunakan fail untuk menyimpan maklumat. **Rajah S6 (e)**, adalah isi kandungan bagi fail yang dinamakan "intro.txt". Hasilkan skrip PHP untuk membaca keseluruhan aksara di dalam fail intro.txt.
(5 Markah)
- S7** (a) MySQL boleh dikawal melalui antaramuka baris arahan yang mudah dikenali sebagai phpmyadmin yang boleh diakses melalui pelayar laman web. Antaramuka phpMyAdmin adalah alat jalinan utama kepada MySQL yang mempunyai fungsi dan kemudahan yang pelbagai. Terdapat empat bahagian pengurusan MySQL yang mengujakan kebanyakan pembangun laman web. Senaraikan **DUA (2)** yang anda pelajari.
(1 Markah)
- (b) Jadual di dalam **Rajah S7 (b)** dinamakan sebagai "Pelajar". Ia mengandungi tiga data dan 5 medan (Id, Nama, Umur, Alamat dan Daerah).
- i. Hasilkan kenyataan SQL untuk mencipta jadual di atas yang mengandungi lima medan. Medan Id dan Umur adalah jenis data integer dan akan memegang nilai nombor. Medan Nama, Alamat dan Daerah adalah jenis varchar dengan panjang maksimum 255 aksara.
 - ii. Hasilkan kenyataan SQL untuk memilih kesemua medan daripada jadual di atas.
 - iii. Hasilkan kenyataan SQL untuk memilih kesemua data bagi medan "Nama" dan "Umur" dari jadual di atas.
 - iv. Hasilkan kenyataan SQL untuk memilih hanya orang-orang yang tinggal di daerah "Batu Pahat" dari jadual di atas.
 - v. Sekarang kita ingin memasukkan data berikut (4,'Johan', '12', 'Jalan Pantai 2', 'Muar') dalam jadual "pelajar". Hasilkan kenyataan SQL untuk memasukkan data yang dinyatakan di atas.
- (10 Markah)

SULIT

- (c) Jelaskan kefahaman anda berkaitan dengan pangkalan data. (2 Markah)
- (d) Jelaskan kefahaman anda berkaitan dengan MySQL. (3 Markah)
- (e) Kesatuan, persilangan dan perbezaan adalah konsep yang digunapakai bagi mengeluarkan data daripada pangkalan data. Berdasarkan **RAJAH S7 (e)**, lakarkan kandungan baru bagi jadual A dan jadual B dibawah menggunakan ketiga-tiga konsep tersebut. (4 Markah)

- SOALAN TAMAT-

SULIT**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER SESI : SEM I / 2015/2016

PROGRAM : 2 DAT

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

BORANG PENDAFTARAN MAKLUMAT PERIBADI

Pangkat :

Tuan	▼
Puan	
Dato	
Datin	

Nama :

Alamat :

Sila masukkan alamat lengkap beserta poskod.

No. Telefon :

No. Fax :

STATUS PERKAHWINAN (Sila tandakan dalam kotak yang berkaitan)

Bujang

Berkahwin

Bercerai

HANTAR DATA

BATAL

RAJAH S2 : BORANG PENDAFTARAN MAKLUMAT PERIBADI

```

<html>
<head>
</head>
<body>
<h1>Tajuk ini mempunyai latarbelakang berwarna kuning dan tulisan
berwarna hitam</h1>
<h2> Tajuk ini mempunyai tulisan berwarna putih dan latarbelakang
berwarna merah </h2>
<p>Perenggan in mempunyai latarbelakang berwarna merah jambu dan
berjajar dibahagian kanan.</p>
</body>
</html>

```

RAJAH S4 (c) : ATURCARA PHP**SULIT**

SULIT**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER SESI : SEM I / 2015/2016

PROGRAM : 2 DAT

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

```

<?php
$intA = 12; intB = 14;

$intC=$intA+$intB;
echo "<p>Nilai Baru Integer C ialah : $intC</p>";
$intA += $intB;
echo "<p>1 + $intB = $intA</p>";
$intA = 14;
$intA /= $intB;
echo "<p>2 / $intB = $intA</p>";
$intB = 15;
$intA *= $intB;
echo "<p>3 x $intB = $intA</p>";
$intA = $intB;
echo "<p>4 x $intB = $intA</p>";
?>

```

RAJAH S6 (a) : ATURCARA PHP

```

<?php
$strName = "MOHD HATTA BIN HJ MOHAMED ALI";
$intLetter = 0;echo "<table border = '1' width = '300'>";
echo "<tr align='center'>";
for ($intLetter=0;$intLetter<8;$intLetter++)
    echo "<td>$intLetter</td>";
echo "</tr>";
echo "<tr>";
for ($intLetter=0;$intLetter<8;$intLetter++)
    echo "<td align='center'>" . $strName{$intLetter} . "</td>";
echo "</tr>";
echo "</table>";
?>

```

RAJAH S6 (d) : ATURCARA PHP

<p>Selamat datang ke halaman utama saya! Laman ini sesuai untuk orang-orang yang berminat dalam bidang seni lukis.</p>
--

RAJAH S6 (e) : ISI KANDUNGAN FAIL INTRO.TXT

SULIT**PEPERIKSAAN AKHIR**


SEMESTER SESI : SEM I / 2015/2016

PROGRAM : 2 DAT


NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

Id	Nama	Umur	Alamat	Daerah
1	Jaja	12	Jalan Pasar 10	Batu Pahat
2	Hajar	18	Jalan Melawati 23	Batu Pahat
3	Ahmed	14	Lorong hajah Fatimah 20	Pontian

RAJAH S7 (b) : ISI KANDUNGAN FAIL INTRO.TXT

Jadual A



Jadual B

RAJAH S7 (e) : JADUAL A DAN JADUAL B**SULIT**